



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TANDA DALAM CERPEN-CERPEN TERPILIH KARYA M.RAMAIHAH

KOMATHY VAYAPURI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TANDA DALAM CERPEN-CERPEN TERPILIH
KARYA M.RAMAI AH**

KOMATHY VAYAPURI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek:

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, KOMATHY A/P VAYAPURI (P20152002250) (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk TANDA DALAM CERPEN-CERPEN TERPILIH KARYA MRAMAIAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA. DR. SAMIKKANU IABAMONEY (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TANDA DALAM CERPEN-CERPEN TERPILIH KARYA MRAMAIAH

(TAJUK) di hasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH (KESUSASTERAAAN TAMIL) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**Tajuk / Title: TANDA DALAM CERPEN-CERPEN TERPILIH KARYA M.RAMAIHAHNo. Matrik / Matric No.: P20152002250Saya / I : KOMATHY A/P VAYAPURI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) from the categories below:-*

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

தோன்றின் புகழொடு தோன்றுக அஃதிலார்
தோன்றலின் தோன்றாமை நன்று (குறள்:236).
(Achieve fame and glory in whatever you touch;
or else leave worldly life totally untouched)

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa pihak yang menghulurkan bantuan secara langsung dan tidak langsung bagi menyiapkan dan melengkapkan penyelidikan ini.

Saya bersyukur kepada Tuhan yang Maha Esa kerana dengan berkatNya kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya.

Sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada penyelia utama Profesor Madya Dr.Samikkanu Jabamoney Ishak Samuel dan penyelia bersama Profesor Madya Dr.Ani Binti Omar yang telah menyelia penulisan disertasi ini. Mereka telah banyak memberikan nasihat, tunjuk ajar, kritikan serta cadangan yang membina terhadap kajian ini. Sesungguhnya, segala panduan, pandangan, dan saranan mereka menjadi dorongan dan daya penggerak bagi diri saya sehingga penyelidikan ini berjaya dihasilkan.

Penghargaan juga dirakamkan kepada '*Ilakkiya Kurisil*' (Sasterawan Teragung) *Amarar* (Arwah) M.Ramaiah yang menghulurkan bantuan dengan memberikan maklumat, bahan-bahan penulisan, dokumen-dokumen primier dan sekunder.

Seterusnya, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak yang turut mambantu saya, iaitu Jawatankuasa Penilai Penyelidikan yang memantau cadangan penyelidikan saya, Dekan dan Timbalan Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan juga perpustakaan awam Johor Bahru, perpustakaan awam Woodlands Singapura, perpustakaan awam Jurong East Singapura dan perpustakaan awam Bukit Panjang Singapura.

Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada suami saya En.Sinniah dan anak-anak saya, Seran Raoo dan Divyarubini, ibu bapa, adik-beradik, rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak menghulurkan bantuan, dorongan dan motivasi kepada saya dalam usaha menyiapkan penyelidikan ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tanda, menganalisis kesan penggunaannya yang mempunyai hubungan korelasi objek-objek kepada pembaca dan menginterpretasikan kaitannya dengan budaya masyarakat Tamil dalam 40 buah cerpen terpilih M. Ramaiah. Kajian ini ialah kajian kepustakaan yang menggunakan kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif. Analisis dan perbincangan dibuat berpandukan teori semiotik Charles Sanders Peirce. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 66 jenis tanda yang dikenal pasti mempunyai hubungan dengan 38 jenis objek dalam 40 buah cerpen terpilih M. Ramaiah. Antara tanda ini, 59 jenis yang didapati mempunyai kaitan dengan budaya masyarakat Tamil dapat diinterpretasikan, manakala tujuh pula tidak dapat diinterpretasikan. Kesimpulannya, hasil penelitian menunjukkan bahawa kesemua tanda ini mendukung mesej dan amanat yang unik, istimewa dan mendalam yang dapat membuka minda pembaca. Implikasinya, kajian semiotik ini bukan sahaja memaparkan kepentingan menganalisis tanda-tanda dalam sesebuah teks cerpen, bahkan cuba menginterpretasikan kaitannya dengan sesuatu di luar teks, iaitu budaya sesuatu masyarakat.





SIGNS IN SELECTED SHORT STORIES OF M. RAMAIAH

ABSTRACT

This study aims to identify the signs, analyze the effects of its use that has a correlation of objects to the reader and interpret its relevance to the culture of Tamil society in 40 selected short stories M. Ramaiah. This study is a literature review using content analysis and descriptive analysis methods. Analysis and discussion are based on Charles Sanders Peirce's semiotic theory. The findings of the study show that as many as 66 types of signs identified have a relationship with 38 types of objects in 40 selected short stories M. Ramaiah. Among these signs, 59 types found to be related to the culture of Tamil society can be interpreted, while seven cannot be interpreted. In conclusion, the results of the study show that all these signs support a unique, special and profound message and message that can open the minds of readers. The implication is that this semiotic study not only shows the importance of analyzing the signs in a short story text, but also tries to interpret its relation to something outside the text, namely the culture of a society.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
SENARAI LAMPIRAN	xx
TRANSLITERASI	xxi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Soalan Kajian	14
1.6 Kepentingan Kajian	15

1.7	Batasan Kajian	20
1.8	Sumber Kajian	23
1.8.1	Sumber Primer	23
1.8.2	Sumber Sekunder	25
1.9	Definisi Operasional	26
1.9.1	Cerpen	27
1.9.2	Tanda	30
1.9.3	Objek	33
1.9.4	Interpretan	35

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	39
2.2	Perkembangan Cerpen di Negara Barat	40
2.3	Perkembangan Cerpen Tamil di Tamil Nadu	41
2.4	Perkembangan Cerpen Tamil Malaysia	42
2.5	Sejarah Perkembangan Penulisan Karya Cerpen M.Ramaiah	44
2.6	Konsep Semiotik dan Tanda	54
2.7	Kajian-Kajian Terdahulu Berkaitan Dengan Tanda-tanda	59
2.8	Kesimpulan	88

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	90
3.2	Reka Bentuk Kajian	91
3.2.1	Kerangka Kajian	93
3.3	Kaedah Kajian	94
3.3.1	Kaedah Analisis Teks	94
3.3.2	Kaedah Kepustakaan	95
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	96
3.5	Kaedah Analisis Data	97
3.6	Teori Semiotik Charles Sanders Peirce	98
3.7	Teori Kajian	100
3.7.1	Kerangka Kajian	104
3.7.2	Kerangka Teori Semiotik Pierce	105
3.8	Kesimpulan	105

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	106
4.2	Tanda-tanda dalam Cerpen-cerpen Terpilih M.Ramaiah	107
4.2.1	Tanda-tanda Mewakili Objek Kemiskinan	108
4.2.1.1	Tanda Mangsa Gangguan Seksual	109
4.2.1.2	Tanda Orang Dinafikan Pendidikan	111
4.2.1.3	Tanda Baju Sekolah yang Lusuh	115
4.2.1.4	Tanda Television Buruk	117

4.2.1.5 Tanda Penderma Darah	120
4.2.2 Tanda-tanda Mewakili Objek Kerisauan	123
4.2.2.1 Tanda Ulat Bulu	124
4.2.2.2 Tanda <i>Amaavaasai</i> (Tiada Bulan)	126
4.2.3 Tanda- tanda Mewakil Objek yang Bertentangan dengan Budaya	129
4.2.3.1 Tanda <i>VerunkaJuttu</i> (Leher hampa)	131
4.2.3.2 Tanda <i>Nirilla Nerri</i> (Tiada tanda sembayang)	134
4.2.3.3 Tanda <i>Puṭavai</i> (Saari)	138
4.2.4 Tanda-tanda Mewakili Objek Kemarahan	141
4.2.4.1 Tanda Gelora Tsunami	142
4.2.4.2 Tanda Bahasa Sastera	145
4.2.4.3 Tanda Suara Bingit	147
4.2.5 Tanda-tanda Mewakili Objek Bermaruah Tinggi	150
4.2.5.1 Tanda Berhenti Kerja	151
4.2.5.2 Tanda Nama Sastera	154
4.2.5.3 Tanda Keturunan Rusa	157
4.2.6 Tanda-tanda Mewakili Objek Keibuan	159
4.2.6.1 Tanda Menderma Darah	160
4.2.6.2 Tanda Penderitaan	164
4.2.6.3 Tanda Bersetuju	167
4.2.7 Tanda-tanda Mewakili Objek Ketabahan	169

4.2.7.1 Tanda Jalan	170
4.2.7.2 Tanda <i>Vairākkīyakari</i> (Wanita yang tabah hati)	172
4.2.7.3 Tanda <i>Putiya Pātai</i> (Kehidupan Baru)	176
4.2.8 Tanda-tanda Mewakili Objek Kesepian	179
4.2.8.1 Tanda <i>Oṛṛai Paṛavai</i> (Burung Tunggal)	180
4.2.8.2 Tanda <i>Kaimpen Kōlam</i> (Bagaikan Balu)	183
4.2.9 Tanda-tanda Mewakili Objek Cinta	186
4.2.9.1 Tanda Senyuman Bunga Mekar	188
4.2.9.2 Tanda Menggores Bulatan dengan Jari Kaki	191
4.2.10 Tanda-tanda Mewakili Objek Wanita Tidak Bermaruah	194
4.2.10.1 Tanda <i>Kāma Poruḷ</i> (Bahan seks)	195
4.2.10.2 Tanda Kemewahan	197
4.2.11 Tanda-tanda Mewakili Objek Kezaliman	199
4.2.11.1 Tanda Gila Seks	200
4.2.11.2 Tanda Burung Helang	203
4.2.12 Tanda-tanda Mewakili Objek Mementingkan Diri	205
4.2.12.1 Tanda Kekuasaan	206
4.2.12.2 Tanda Tiada Pendirian	209
4.2.13 Tanda-tanda Mewakili Objek Kejujuran	211
4.2.13.1 Tanda Sepuluh Sen	212
4.2.13.2 Tanda Bapaku	215
4.2.14 Tanda -tanda Mewakili Objek Kematian	219

4.2.14.1 Tanda <i>Kolli satti</i> (Periuk api)	220
4.2.14.2 Tanda <i>ViIakku Anaintatu</i> (Padamnya sinaran)	223
4.2.15 Tanda-tanda Mewakili Objek Motivasi	226
4.2.15.1 Tanda Sepuluh Jari	227
4.2.15.2 Tanda Cacat	229
4.2.16 Tanda-tanda Mewakili Objek Keseorangan	231
4.2.16.1 Tanda Pokok Tunggal	232
4.2.17 Tanda-tanda Mewakili Objek Kecurangan	236
4.2.17.1 Tanda Jelingan Mata	238
4.2.17.2 Tanda Hati Monyet	241
4.2.18 Tanda-tanda Mewakili Objek Kesedihan	244
4.2.18.1 Tanda Gunung Berapi	245
4.2.18.2 Tanda Rumah Kematian	248
4.2.19 Tanda-tanda Mewakili Objek Agama Hindu	251
4.2.19.1 Tanda Gambar <i>Dewi Letchumi</i>	252
4.2.20 Tanda-tanda Mewakili Objek Iri Hati	255
4.2.20.1 Tanda Hati Hangat	256
4.2.21 Tanda-tanda Mewakili Objek Kebebasan	259
4.2.21.1 Tanda Terlepas daripada Neraka	260
4.2.22 Tanda-tanda Mewakili Objek Kekecewaan	263
4.2.22.1 Tanda Menggores Hati	264

4.2.23	Tanda-tanda Mewakili Objek Kesedaran	268
4.2.23.1	Tanda Kerusi kosong	268
4.2.24	Tanda-tanda Mewakili Objek Hukuman	272
4.2.24.1	Tanda Kecacatan	273
4.2.25	Tanda-tanda Mewakili Objek Kesytaaan	275
4.2.25.1	Tanda Tanah Airku	277
4.2.26	Tanda-tanda Mewakili Objek Yatim Piatu	280
4.2.26.1	Tanda Anjing jalanan	281
4.2.27	Tanda-tanda Mewakili Objek Harapan	282
4.2.27.1	Tanda surat sokongan	283
4.2.28	Tanda-tanda Mewakili Objek Hamba Isteri	286
4.2.28.1	Tanda Kurang Kejantanan	287
4.2.29	Tanda-tanda Mewakili Objek Kesabaran	289
4.2.29.1	Tanda Pertiwi Bumi	290
4.2.30	Tanda-tanda Mewakili Objek Pemikiran Sempit	293
4.2.30.1	Tanda Kegelapan Hati Masyarakat	294
4.2.31	Tanda-tanda mewakili Objek Kejahatan	297
4.2.31.1	Tanda <i>Kalai</i> (Rumput rampai)	297
4.2.32	Tanda-tanda Mewakili Objek Pengorbanan Ibu	300
4.2.32.1	Tanda Lilin	301
4.2.33	Tanda-tanda Mewakili Objek Pemalas	304
4.2.33.1	Tanda Potimādu (Lembu pengangkut)	305

4.2.34	Tanda-tanda Mewakili Objek Kebahagian	307
4.2.34.1	Tanda Rezeki	308
4.2.35	Tanda-tanda Mewakili Objek Kehidupan Ladang Getah	311
4.2.35.1	Tanda Kāṇḍāa Kambu (Kayu gandar)	312
4.2.36	Tanda-tanda Mewakili Objek Penderaan	314
4.2.36.1	Tanda Durjana	315
4.2.37	Tanda-tanda Mewakili Objek Gila Pangkat	317
4.2.37.1	Tanda Kerusiku	318
4.2.38	Tanda-tanda Mewakili Objek Dendam	320
4.2.38.1	Tanda parut	321

4.3	Kesimpulan	324
-----	------------	-----

BAB 5 KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	326
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	327
5.3	Cadangan dan Kajian Lanjutan	334
5.4	Implikasi Kajian	335
5.5	Kesimpulan	339

RUJUKAN	341
----------------	-----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Anugerah dan Hadiah yang Diterima oleh Cerpenis M.Ramaiah	17
1.2	Kumpulan Cerpen yang Dipilih bagi Tujuan Penyelidikan	21
2.1	Biodata Cerpenis M. Ramaiah	45
4.1	Tanda-tanda Mewakili Objek Kemiskinan	108
4.2	Tanda-tanda Mewakili Objek Kerisauan	124
4.3	Tanda- tanda Mewakili Objek yang Bertentagan dengan Budaya	131
4.4	Tanda-tanda Mewakili Objek Kemarahan	141
4.5	Tanda-tanda Mewakili Objek Bermaruah Tinggi	151
4.6	Tanda-tanda Mewakili Objek Keibuan	160
4.7	Tanda-tanda Mewakili Objek Ketabahan	169

4.8	Tanda-tanda Mewakili Objek Kesepian	180
4.9	Tanda-tanda Mewakili Objek Cinta	188
4.10	Tanda-tanda Mewakili Objek Wanita Tiada Bermaruah	195
4.11	Tanda-tanda Mewakili Objek Kezaliman	200
4.12	Tanda-tanda Mewakili Objek Mementingkan Diri	206
4.13	Tanda-tanda Mewakili Objek Kejujuran	212
4.14	Tanda -tanda Mewakili Objek Kematian	220
4.15	Tanda-tanda Mewakili Objek Motivasi	226
4.16	Tanda-tanda Mewakili Objek Keseorangan	232
4.17	Tanda-tanda Mewakili Objek Kecurangan	238
4.18	Tanda-tanda Mewakili Objek Kesedihan	245
4.19	Tanda-tanda Mewakili Objek Agama Hindu	252
4.20	Tanda-tanda Mewakili Objek Iri Hati	256
4.21	Tanda-tanda Mewakili Objek Kebebasan	260
4.22	Tanda-tanda Mewakili Objek Kekecewaan	263
4.23	Tanda-tanda Mewakili Objek Kesedaran	268
4.24	Tanda-tanda Mewakili Objek Hukuman	273

4.25	Tanda-tanda Mewakili Objek Kesetiaan	276
4.26	Tanda-tanda Mewakili Objek Yatim Piatu	280
4.27	Tanda-tanda Mewakili Objek Harapan	283
4.28	Tanda-tanda Mewakili Objek Hamba Isteri	286
4.29	Tanda-tanda Mewakili Objek Kesabaran	290
4.30	Tanda-tanda Mewakili Objek Pemikiran Sempit	294
4.31	Tanda-tanda Mewakili Objek Kejahatan	297
4.32	Tanda-tanda Mewakili Objek Pengorbanan Ibu	301
4.33	Tanda-tanda Mewakili Objek Pemalas	305
4.34	Tanda-tanda Mewakili Objek Kebahagiaan	307
4.35	Tanda-tanda Mewakili Objek Kehidupan Ladang Getah	311
4.36	Tanda-tanda Mewakili Objek Penderaan	314
4.37	Tanda-tanda Mewakili Objek Gila Pangkat	318
4.38	Tanda-tanda Mewakili Objek Dendam	321

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Kerangka Kajian (Dirangka Berdasarkan Teori Semiotik Charles Sanders Peirce)	93
3.2	Model Tiga Segi Semiotik Peirce	99
3.3	Kerangka Teori Semiotik Pierce	105

**SENARAI SINGKATAN**

AOT	<i>Avaḷum Oru Tāytān</i> (Dia juga Seorang Ibu)
Dr	D.Litt
FELDA	Federal Land Development Authority
TMP	<i>Tisai Māriya Paṛavaigaḷ</i> (Burung yang Berubah Hala Tuju)
MCE	<i>Malaysian Certificate of Education</i>
MIC	Malaysia Indian Congress
NDE	<i>Near Death Experience</i>
PP	<i>Parivum Pāsamum</i> (Keprihatinan dan Kesayangan)
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
P.I.S.	Pingat Ibrahim Sultan
PPTM	Persatuan Penulisan Tamil Malaysia
SJK(T)	Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia



SENARAI LAMPIRAN

- A Lampiran A (Tanda-tanda yang dikenalpasti Dalam Cerpen M.Ramaiah)
- B Lampiran B (Senarai Keberkesanan Tanda dalam Cerpen M.Ramaiah)
- C Lampiran C (Senarai Interpretan tanda berkaitan dengan budaya masyarakat Tamil)
- D Perakuan Keaslian
- E Borang Pengesahan Status Disertasi/Tesis
- F Halaman Penghargaan
- G Halaman Abstrak
- H *Halaman Abstract*
- I Halaman Kandungan
- J Halaman Senarai Jadual
- K Halaman Senarai Rajah
- L Halaman Senarai Singkatan
- M Halaman Senarai Lampiran
- N Halaman Transliterasi



TRANSLITERASI

Penggunaan transliterasi kata nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi Bahasa Melayu adalah berdasarkan Sistem Transliterasi “Tamil Culture” yang digunakan dalam Tamil Lexicon. Berikut ialah dasar-dasar transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil yang digunakan.

உயிரெழுத்துகள் / Huruf-huruf Vokal

அ	-	a	எ	-	e
ஆ	-	ā	ஏ	-	ē
இ	-	i	ஐ	-	ai
ஈ	-	ī	ஒ	-	o
உ	-	u	ஓ	-	ō
ஊ	-	ū	ஔ	-	au

மெய்யெழுத்துகள் / Huruf-huruf Konsonan

வல்லினம் Vallinam (Konsonan keras) sederhana)	மெல்லினம் Mellinam (Konsonan lembut)	இடையினம் Idaiyinam (Konsonan
க - k/g	ங் - n	ய் - y
ச் - c/s	ஞ் - ṅ	ர் - r
ட் - ṭ	ண் - ṇ	ல் - l
த் - t	ந் - n	வ் - v
ப் - p/b	ம் - m	ழ் - ḷ
ற் - ṛ	ன் - ṅ	ள் - ḷ





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Kesusasteraan merupakan suatu bentuk karangan yang indah kerana hasil karyanya diungkapkan melalui bahasa artistik dan proses imaginatif. Sesebuah karya sastera itu dicipta oleh pengarang bukan sekadar untuk kepuasan dirinya sahaja, bahkan ingin menyampaikan sesuatu kepada pembacanya. Salah sebuah genre karya sastera sedemikian yang diungkapkan pelbagai masalah yang berkaitan dengan aspek kehidupan atau kemasyarakatan ialah cerita pendek atau yang lebih dikenali dengan istilah cerpen. Semasa memperihalkan sesuatu kisah dalam cerpennya, seseorang pengarang lazimnya menggunakan bahasa yang menarik dan sarat dengan pelbagai makna. Hal ini dapat dilihat dari segi penggunaan tanda-tanda yang melambangkan sesuatu dalam cerpennya (Ani Diana, 2016).



Menurut Zoest (1993), semiotik merupakan suatu cabang ilmu yang berkaitan dengan tanda, pengajian tanda dan segala sesuatu berhubung kait dengan sistem dan proses yang melibatkan tanda. Dalam sesebuah karya sastera, kita dapat mengenali aspek semiotik berdasarkan tanda-tanda, *sign* atau simbol-simbol bahasa yang digunakan sebagai alat komunikasinya. Manusia dapat menjalinkan komunikasi sesamanya melalui perantaraan tanda-tanda. Dalam karya sastera, erti bahasa ditentukan atau disesuaikan dengan konvensi sastera. Oleh itu, setiap tanda yang hadir dalam karya sastera mempunyai makna yang mendalam.

Mohammad Syuropati (2011) pula menjelaskan bahawa menurut Peirce, tanda-tanda mempunyai hubung kait dengan objek-objek dan hubungan sedemikian ini disebabkan oleh faktor tertentu. Selain itu, tanda-tanda ini berfungsi mengikut keperluan interaksi sosial dan melambangkan makna dan maksud tersirat dalam interaksi tersebut. Peirce menegaskan bahawa,

“... suatu analisis tentang kepentingan tanda Merujuk kepada bukti bahawa setiap tanda ditentukan oleh objeknya. Pertama, dengan mengikuti sifat tanda. Kedua, menjadi kenyataan dan kewujudannya berkaitan dengan objek individual. Ketiga, menginterpretasi tanda denotatif sebagai akibat daripada suatu kebiasaan” (Peirce, 1965, p.48).

Seterusnya, Suwardi.E (2008), berpendapat bahawa bahasalah yang memuatkan tanda-tanda. Bahasa akan membentuk sistem tanda yang dinamai semiotik dan ilmu mengkajinya ini ialah semiologi. Semiologi juga sering dikenali sebagai semiotika yang bermaksud ilmu mempelajari tanda-tanda dalam karya sastera. Rachmat Djoko

Pradopo (2001), turut menyatakan bahawa kajian semiotik sastera ialah usaha untuk menganalisis sesuatu sistem tanda.

Di samping itu, perubahan pemikiran yang berlaku mengikut peredaran masa yang mencorakkan pembentukan minda masyarakat Tamil dan perkembangan akhbar-akhbar Tamil telah menjadi faktor pendorong kepada perkembangan cerpen Tamil di negara ini. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti tanda-tanda yang dipaparkan dalam cerpen karya M.Ramaiah untuk melihat perubahan minda masyarakat Tamil itu. Cerpenis M.Ramaiah ialah seorang sasterawan yang amat popular dalam bidang sastera Tamil Malaysia dan mula berkecimpung dalam bidang penulisan sejak tahun 1950-an apabila julung kalinya menghasilkan sebuah karya Tamil yang berjudul, *Kātal Paricu* bermaksud Hadiah Cinta yang telah disiarkan

Antara cerpen Tamil yang dihasilkan oleh M.Ramaiah sepanjang zaman 1950-an hingga 1960-an, cerpen *Amāvāsai Nilavu* (Cahaya dalam Kegelapan), *Pōr Vīran* (Askar) dan *Sankoli* (Bunyi Kulit Siput) adalah amat popular kerana termuat dengan pelbagai tanda yang mempunyai maksud tersirat yang berbeza dan menarik minat pembaca. Selain itu, cerpen-cerpen beliau yang popular seperti *Maravaḷḷi Kīḷanku* (Ubi Kayu), *Tavukke Ikan*, *Sankamam* (Bersepadu) dan *Amāvāsai* (Kegelapan) pula menjadi panduan kepada para pengarang cerpen Tamil Malaysia yang ingin berkecimpung dalam arena penulisan cerpen.



1.2 Latar Belakang Kajian

Sastera mampu menggerakkan manusia untuk berfikir dan bertindak ke arah kesempurnaan, kemajuan dan kebaikan secara akliah dan rohaniah (Muhammad Haji Salleh, 1987). Supardy Muradi pula menganggap sastera sebagai model gerak nadi kehidupan manusia yang berkeupayaan untuk mencipta berbagai-bagai sistem permaknaan (Dewan Sastera, Disember 1984). Seiring dengan hal ini, kesusasteraan dikatakan berperanan sebagai wadah untuk membentuk tanda-tanda. Rahim Abdullah (1996) pula berpendapat bahawa sastera tidak seharusnya dilihat sebagai suatu bentuk komunikasi yang biasa, sebaliknya terdapat keluarbiasaan pada komunikasi dalam karya sastera yang kadang kala menimbulkan keanehan, dan fenomena ini hanya dapat difahami apabila kita mendekati sastera sebagai sistem tanda.

Sejak berzaman-zaman, karya sastera khususnya cerpen dicipta dengan membicarakan kehidupan manusia. Oleh sebab itu, perasaan atau emosi watak dalam sesuatu situasi tertentu yang terpapar dalam cerpen turut menggambarkan realiti hidup yang mencerminkan latar masa dan masyarakat tertentu masyarakat sebenar. Hal ini demikian kerana lazimnya sesebuah karya dihasilkan berdasarkan persekitaran dan fenomena semasa yang terdekat dengan dunia pengarang itu sendiri. Justeru, seseorang pengarang bercenderung untuk menggarap unsur perasaan atau emosi dalam karyanya sejajar dengan pandangan pengkritik Rom bernama Dionysius Cassius Longibus yang turut menegaskan bahawa pemikiran yang agung dan emosi





yang mendalam merupakan salah satu daripada lima prinsip yang membentuk kedudukan sesebuah karya yang terbaik (Mana Sikana, 2004).

Karya sastera dihasilkan untuk mendidik dan menyedarkan manusia tentang realiti hidup kerana sebalik kehidupan yang manis, terpalit duka laranya; dalam kelukaan hidup, terselit pula kebahagiaan. Ketika pemimpin mencanangkan kemajuan negara, masih ada rakyat yang mengemis di jalanan. Sebenarnya, hasil karya yang bermutu dapat menyingkapkan realiti hidup yang sedemikian. Oleh itu, seseorang pengkarya yang memahami tanda-tanda dan mampu menyampaikan pandangannya dengan cara yang dapat diterima oleh masyarakat. Tanda ini mungkin dilambangkan melalui watak dan perwatakan, peristiwa, hubungan watak dan komunikasi antara watak dalam sesebuah teks.



Di samping itu, tanda juga banyak dibentuk melalui bahasa dalam kesusasteraan. Bahasa yang cukup lengkap dan hidup dapat mengungkapkan semangat, isi serta peribadi bangsa (Muhammad Haji Salleh, 1987). Tanda bahasa diungkapkan melalui gaya bahasa seperti bahasa kiasan, perbandingan, metafora dan sebagainya yang digarap dalam teks sastera. Hubungan antara sastera dengan tanda dapat difahami berdasarkan kata-kata Roland Barthes seperti yang berikut:

Literature is an undoubted mythical system: there is a signifier, which is this same discourse as form or writing; there is signified which is concept of literature; there is a signification, which is the literary discourse (Mytologies, 1972, p.134).



Walaupun sering dikatakan bahawa hasil karya sastera wujud akibat mitos yang berhubung kait dengan sesebuah masyarakat serta khayalan dan rekaan pengarang, namun semuanya merupakan penanda yang membawa petanda tertentu. Hasil kesusasteraan dalam apa-apa bentuk wacana atau tulisan mempunyai makna atau maksud tertentu yang dibawa oleh petanda. Oleh itu, sastera bukanlah omong-omong kosong pengarang, sebaliknya dihasilkan untuk membawa mesej kepada khalayaknya. Mesej tersebut disuratkan dalam bentuk tanda untuk ditafsirkan petandanya oleh khalayak. Oleh itu, sastera mempunyai hubungan yang erat dengan tanda.

Perlambangan dalam sesebuah cerpen hanya dapat difahami melalui bahasa yang digunakan dalam cerpen tersebut. Sejak zaman klasik lagi, peranan dan tugas bahasa dalam kesusasteraan telah menjadi tulang belakang kepada penciptaan sesebuah karya sastera. Bahasa menjadi alat untuk mencurahkan perasaan atau emosi, pemikiran dan falsafah pengarang. Sehubungan dengan hal ini, bahasa itu haruslah bersifat logik, ada perasaan dan ada keindahan yang akhirnya dapat membawa kesan yang bermakna kepada masyarakat. Bahasa juga berfungsi sebagai wadah ekspresi, komunikasi dan pernyataan yang manifestasi jiwa pengarang (Mana Sikana, 2004).

Oleh itu, dalam meneliti karya kesusasteraan seperti cerpen, pengkaji seharusnya mengambil berat tentang perlambangan bahasa yang diterapkan oleh pengarang. Mengikut A.Teeuw (1992), pengkaji sastera yang tidak melihat bahasa sebagai suatu acuan, akan kehilangan sesuatu yang hakiki dalam karya sastera. Hal ini seiring dengan pandangan Mikhail Bakhtin (2004), bahawa bahasa dalam sastera

memperlihatkan indeks dialogisme yang tinggi dan cerpen memperlihatkan ‘banyak suara’ yang mendedahkan permainan makna yang terdapat dalam bahasa. Dalam pada itu, penelitian sastra perlu dilakukan berdasarkan teori yang sesuai untuk memanfaatkan perlambangan bahasa dan sistem tanda yang terdapat dalam cerpen. Sastra diteliti dan didekati sebagai tanda, *sign* atau istilah yang lebih serasi ialah semiotik.

Kajian semiotik telah bermula di Barat, iaitu pada sekitar abad ke-19. Disiplin semiotik ini mula mendapat perhatian di Malaysia pada awal tahun 1980-an dengan kemunculan hasil penulisan dan artikel para sarjana dan pengkaji kesusasteraan tempatan. Teori semiotik merupakan teori pascamodenisme yang lahir seiring dengan teori-teori lain seperti fenomenologi, hermeneutik dan strukturalisme. Teori semiotik dapat memperlihatkan cara pengarang mengatur, menjelaskan atau menyembunyikan tanda dan makna dalam karyanya. Jonathan Culler (1981), juga berpandangan bahawa ilmu sastra yang sejati harus bersifat semiotik, iaitu menganggap sastra sebagai tanda. Menurutnya, tanda semiotik bukan mendeskripsikan tanda-tanda tertentu, melainkan:

To describe those conventions that underlie even the most ‘natural’ modes of behaviour and representation. (Jonathan Culler, 1981, p.24).

Menurut Ferdinand de Saussure, tanda dalam sesebuah teks dapat ditemui apabila pembaca dan pengarang mempunyai jalinan pemikiran secara psikologi. Pemikiran pembaca dan pengarang haruslah sama dalam aspek pemahaman

tentang tanda. Pandangan Saussure ini berasaskan sifat tanda yang dijelaskannya seperti berikut:

Express ideas and provide that he did not share a Platonic interpretation of the term 'idea', such ideas must be mental event that concerns a human mind. Thus the sign is implicitly regarded as a communicative device taking place between two human beings intentionally aiming to communicate or to express something (Umberto Eco, 1978, p.15).

Tanda dalam teks merupakan sebagai satu cara seseorang pengarang meluahkan dan mengungkapkan idea yang menarik untuk dikongsi dengan pembaca. Mengikut Saussure, idea-idea yang dipaparkan dalam teks mestilah mempunyai persamaan dengan peristiwa mental yang berkaitan dengan minda idea-idea yang diungkapkan oleh pengarang dalam bentuk tanda yang akan membawa mesej kepada pembaca.

Oleh itu, tanda itu dianggap sebagai suatu bentuk komunikasi yang berlaku secara tidak langsung antara pengarang dengan pembaca bertujuan untuk menghubunginya atau menyampaikan sesuatu mesej. Sekiranya jalinan komunikasi antara pengarang dengan pembaca berjalan lancar, maka tanda yang dipaparkan oleh pengarang dapat difahami oleh pembaca. Pembaca dapat menggapai tujuan pengarang menggunakan tanda tersebut dan seterusnya dapat memahami teks dengan baik.

Semiotik sebagai asas dalam kajian sastera, memberi peranan kepada watak, peristiwa, pengalaman dan kehidupan masyarakat yang wujud sebagai tanda dalam sesebuah teks. Tanda dapat ditafsirkan berdasarkan pelbagai emosi manusia

yang dibicarakan berasaskan watak dan perwatakan serta peristiwa dalam sesebuah karya. Selain itu, tanda dalam teks turut mencerminkan pelbagai dimensi kehidupan manusia yang memerlukan khalayak merenung dan berfikir tentang persoalan yang ingin dikemukakan di samping berkeupayaan mengembalikan peranan bahasa dengan realiti dalam teks. Proses menggali makna dalam teks merupakan keindahan estetika dalam pemikiran manusia kerana proses ini berupaya melahirkan manusia yang berbudayakan fikiran tinggi.

Hasil kesusasteraan seperti cerpen mengandungi amanat dan mesej yang ingin disampaikan kepada khalayak. Amanat dan mesej ini dipaparkan melalui tanda-tanda yang memerlukan pentafsiran makna tanda yang digunakan dalam karya. Cetusan idea, sama ada dilahirkan secara tersurat mahupun tersirat, digarapkan melalui tanda-tanda yang penuh simbolik. Oleh itu, semiotik melihat sesebuah karya sebagai suatu sistem yang berurusan dengan hal teknik dan mekanisme penciptaan di samping mengkhususkan penelitiannya dari sudut ekspresi dan komunikasi (Mana Sikana, 1985).

Menurut Harvey (1982), semiotik merupakan kajian fenomena yang diiktiraf sebagai hubungan korelasi, iaitu antara tanda dengan mesej atau amanat. Oleh itu, semiotik merupakan pendekatan yang relevan untuk mengkaji genre sastera kerana semiotik mampu mentafsirkan makna dalam karya (cerpen) yang kaya dengan mesej atau amanat yang ingin disampaikan oleh pengarang.



Berdasarkan huraian di atas, dapatlah dirumuskan bahawa penggunaan tanda-tanda dalam karya cerpen dari awal hingga akhir adalah bertujuan memaparkan pelbagai mesej kepada pembacanya. Oleh sebab itu, penelitian tanda-tanda dalam cerpen-cerpen terpilih M.Ramaiah akan membantu pembaca lebih memahami pesanan yang ingin disampaikan.

1.3 Pernyataan Masalah

Kesusasteraan memaparkan sejarah perkembangan sesuatu bahasa. Perkembangan kesusasteraan sesuatu bahasa menunjukkan kematangan dan keutuhan bahasa tersebut. Oleh itu, ahli bahasa menentukan usia sesuatu bahasa berdasarkan hasil kesusasteraan klasik yang terdapat dalam bahasa tersebut. Sememangnya, bahasa Tamil kaya dengan berpuluh-puluh karya klasik yang berusia lebih daripada 2000 tahun. Oleh itu, kelebihan dan kematangan kesusasteraan Tamil seharusnya perlu disanjung dan dihayati sepenuhnya oleh golongan yang berjiwa sastera (M.Ramaiah, 1976).

Jika teliti, cerita pendek yang disingkatkan namanya sebagai cerpen ialah hasil penulisan yang singkat tetapi mempunyai makna yang lengkap dan padat untuk tatapan pembaca. Cerpen merupakan genre sastera moden yang popular sejak abad ke-19. Sesuatu cerpen lazimnya mencerminkan kehidupan sesuatu masyarakat. Fenomena tersebut digambarkan menerusi tanda-tanda yang digunakan oleh cerpenis dalam karyanya. Oleh itu, tanda-tanda yang diungkitkan dalam karya cerpen itu





sangat penting untuk memaparkan isi hati cerpenis yang ingin menyampaikan sesuatu mesej kepada pembaca (M.Ramaiah, 1976).

M.Ramaiah ialah seorang penulis tersohor yang prolific kerana telah menghasilkan banyak hasil karya sastera. Sehingga hari ini, M.Ramaiah pernah menghasilkan sebanyak 500 cerpen, 100 esei, 50 sajak, 14 buah novel dan 3 buah novel bersiri. M. Ramaiah yang dilahirkan di Tangkak, Johor mula berkecimpung dalam dunia penulisan sejak 1940-an. Selain itu, M.Ramaiah juga antara penulis veteran Tamil Malaysia yang masih lagi aktif dalam bidang penulisan. Pada tahun 1975, Ramaiah telah diberi gelaran '*Cirukatai Mannan*' yang bermaksud Raja Cerpen Tamil Malaysia (Mimpi dan Impian, 2014).



Cerpenis M.Ramaiah merupakan seorang pengarang yang berpengalaman dan berjaya merentasi beberapa zaman dalam kalangan penulis Tamil dengan mencipta nama dalam persada sastera Tamil tanah air. Hasil karya sastera beliau terdiri daripada kumpulan cerpen, novel, sajak dan sebagainya. Karya ciptaan beliau berpotensi memaparkan pelbagai emosi masyarakat India berketurunan Tamil. Mesej yang disalurkan melalui tanda dalam cerpen-cerpen beliau merangkumi ruang lingkup kehidupan individu dan masyarakat secara meluas, lengkap dan mendalam.

Sehubungan dengan hal ini, cerpen-cerpen M.Ramaiah turut diberi tumpuan oleh pengkaji sastera. Cerpen dan novel beliau pernah digunakan sebagai bahan kajian dalam beberapa kajian berkaitan dengan cerpen dan novel tempatan. Sebilangan cerpen beliau juga dipilih untuk meneliti penggunaan tema dalam cerpen





antara tahun 1950-an hingga tahun 2010 (A.Ammuni, 2010). Selain itu, Citra dan Status Wanita Dalam Novel-Novel Terpilih M.Ramaiah pula dikaji oleh Magaswari Eliyarni pada tahun 2016. Di samping itu, M.Kalaiselvi (2002) menjalankan kajian berjudul *M .Rāmaiyāvin̄ Payaṇaṅkaḷ Muṭivatillai*. Kajian. Namun, pengkaji mendapati bahawa kajian tentang tanda-tanda yang terdapat dalam karya cerpen M.Ramaiah masih tidak diberi perhatian. Oleh yang demikian, wujudnya lompang yang memberikan ruang kepada pengkaji supaya perkara ini dikaji dengan lebih jelas dan terperinci melalui kajian yang dijalankan ini.

Memandangkan hal tersebut, pengkaji telah mengambil keputusan untuk mengenal pasti tanda-tanda yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih M.Ramaiah, menganalisis kesan penggunaan tanda-tanda yang mempunyai hubungan korelasi dengan objek-objek yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih M.Ramaiah kepada pembaca dan menginterpretasi tanda-tanda yang berkaitan dengan budaya masyarakat Tamil dalam cerpen-cerpen terpilih M.Ramaiah. Diharapkan bahawa kajian ini dapat mengupas tujuan pengarang menggunakan tanda-tanda tersebut dan seterusnya dapat membantu para pembaca memahami teks beliau dengan lebih baik sekali.

Sebenarnya, tanda-tanda merupakan aspek penting dalam hasil karya cerpen M.Ramaiah. Tanda-tanda ini juga mempamerkan keistimewaan karya M.Ramaiah yang berjaya menyampaikan mesej kepada pembacanya. Oleh itu, cerpen-cerpen M.Ramaiah wajar dikaji dengan menggunakan panduan Model Tiga Segi (Trikotomi) yang dipaparkan dalam Teori Semiotik Charles Sanders Peirce untuk



menjayakan kajian ini. Berdasarkan model tiga segi (Trikotomi), hubungan antara tiga jenis komponen penting, iaitu tanda, objek dan interpretan diberi fokus utama dalam penyelidikan ini.

Rasionalnya, ketiga-tiga komponen utama dalam model segi tiga semiotik Peirce ini merupakan unsur kenyataan yang dapat dikesan dan dikenal pasti kewujudannya sama ada secara konkrit atau abstrak. Model tiga segi (Trikotomi) ini membantu mengenal pasti tanda, menganalisis kesan penggunaan tanda berhubungan dengan objek dan diikuti oleh proses interpretant berkaitan dengan budaya masyarakat Tamil dalam cerpen-cerpen terpilih. Melalui kajian tanda yang berpandukan teori semiotik ini, khalayak dapat memahami sesebuah karya dengan lebih baik sekali dengan menemukan maksud yang menjurus kepada tafsiran tanda-tanda. (Sohaimi

Setiap tanda yang digunakan oleh karyawan dalam penulisannya akan memaparkan tahap pengetahuan dan pengalamannya. Keunikan cerpenis dapat dipantulkan melalui tanda-tanda yang dipilih olehnya untuk mencipta hasil penulisannya. Selain daripada itu, kelompok tanda yang dipilih oleh seorang penulis dapat membantu dalam mengukur mutu penulisannya. Penggunaan tanda -tanda ini juga telah membawa pelbagai kesan positif dan kesan negatif kepada pembaca. Penulis juga tidak dapat mengelakkan dirinya dari penggunaan tanda-tanda yang berkaitan dengan kebudayaannya.



Permasalahan yang diwujudkan oleh M.Ramaiah dalam cerpen-cerpennya berjaya menyalurkan melalui tanda-tanda pilihannya. Situasi ini sebenarnya menjadi teladan dan pedoman yang berguna kepada pembaca untuk memahami perasaan dan masalah manusia di sekitar kita. Bagi penulis pula, karya ciptaan beliau dijadikan sebagai panduan penulisan karya sastera yang berkualiti dan membawa manfaat bukan sahaja kepada pembaca malah, pada dunia kesusasteraan.

1.4 Objektif Kajian

Penyelidikan ini dijalankan berdasarkan tiga objektif utama, iaitu:

1. Mengenal pasti tanda-tanda yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih M.Ramaiah.
2. Menganalisis kesan penggunaan tanda-tanda yang mempunyai hubungan korelasi dengan objek-objek yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih M. Ramaiah kepada pembaca.
3. Menginterpretasi tanda-tanda yang berkaitan dengan budaya masyarakat Tamil dalam cerpen-cerpen terpilih M. Ramaiah.

1.5 Soalan Kajian

Tiga soalan kajian yang diteliti bagi kajian ini ialah:

1. Apakah tanda-tanda yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih M. Ramaiah?
2. Apakah kesan penggunaan tanda-tanda yang mempunyai hubungan korelasi dengan objek yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih M. Ramaiah kepada pembaca?
3. Bagaimanakah menginterpretasi tanda-tanda yang berkaitan dengan budaya masyarakat Tamil dalam cerpen-cerpen terpilih M. Ramaiah?





1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini yang meninjau dan menganalisis tanda dalam cerpen-cerpen terpilih karya M.Ramaiah dengan menggunakan teori semiotik Pierce dijalankan julung kali dengan menggunakan cerpen Tamil sebagai bahan kajian. Oleh itu, kajian ini dapat mengisi kelompongan yang wujud berkaitan dengan tanda-tanda dalam kajian sastera Tamil.

Kajian ini juga dapat meningkatkan kesedaran, pemahaman dan penghayatan para cerpenis tentang peranan tanda dalam cerpen-cerpen Tamil. Hasil kajian dapat mengingatkan mereka bahawa tanda-tanda merupakan suatu pendekatan efektif untuk menyampaikan sesuatu mesej atau pesanan kepada pembaca. Oleh itu, para penulis dapat mempelajari teknik penggunaan pelbagai tanda untuk mencipta karya yang bermutu tinggi yang turut dapat membantu dalam perkembangan bidang linguistik dan kesusasteraan Tamil di Malaysia.

Kajian ini dapat membantu khalayak memahami tanda-tanda yang mendukung pelbagai makna tersurat dan tersirat yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen M.Ramaiah. Sehubungan dengan ini, kajian semiotik dapat membantu khalayak memahami tanda-tanda yang digunakan dalam teks sastera. Tanpa memahami tanda, khalayak tidak dapat memahami mesej yang ingin disampaikan kerana mesej dalam cerpen-cerpen M.Ramaiah tersembunyi dalam tanda-tanda yang digunakannya. Oleh itu, kajian ini dapat menyedarkan para pembaca supaya sentiasa





meneliti tanda-tanda yang digunakan dalam sesebuah karya agar dapat memahami maksud yang ingin disampaikan oleh penulis.

Kajian tentang tanda-tanda adalah sangat penting untuk memahami isi kandungan setiap karya yang dicipta kerana tanda-tanda terpapar dalam sesebuah karya sastera menyalurkan informasi tertentu. Kritikan sastera menjelaskan bahawa kita tidak dapat memahami sesebuah karya berkaitan dengan sesebuah masyarakat, jika tidak memiliki informasi yang secukupnya tentang karya tersebut (Kannadasan, 2012). Oleh itu, pemahaman tentang tanda-tanda adalah sangat penting untuk memahami pelbagai fenomena yang berkaitan dengan kehidupan bermasyarakat kerana tanda-tanda ini turut membantu mengenali maklumat baru tentang masyarakat lain dan mencetuskan keinginan untuk menorka keistimewaan masyarakat lain selain mengenali masyarakat sendiri. Sebenarnya, kajian sedemikian merangsangkan naluri ingin tahu masyarakat lain dengan lebih mendalam dalam kalangan rakyat Malaysia yang masyarakat majmuk untuk melahirkan sikap lebih memahami dan menghormati masyarakat berbilang kaum.

Di samping itu, kajian ini membantu para pengkaji, penulis muda dan baru serta pembaca dapat mengenali lebih mendalam akan sasterawan tempatan terunggul, M.Ramaiah yang merentasi beberapa zaman dan berpengalaman luas dalam bidang kesusasteraan. Beliau merupakan seorang penulis prolific yang pernah menerima pelbagai anugerah dan penghargaan sehinggalah beliau meninggal dunia pada 13.11.2019 semasa usianya 87 tahun. Selain itu, beliau telah dapat menonjolkan diri dalam bidang penulisan walaupun tidak berpendidikan tinggi. Di samping itu,



cerpenis M.Ramaiah dilihat agak istimewa kerana hasil karyanya bukan sahaja tersiar dalam pelbagai wadah penerbitan tempatan, malah turut memenangi anugerah dan hadiah dalam pelbagai sayembara peringkat kebangsaan. Jadual 1.1 jelas menunjukkan anugerah dan hadiah yang diterima oleh cerpenis M.Ramaiah dalam arena kesusasteraan Tamil.

Jadual 1.1

Anugerah dan Hadiah yang Diterima oleh Cerpenis M.Ramaiah

BIL	PENGHARGAAN	NAMA KARYA	TAHUN	ANJURAN
1	Vairattōdu (Subang Berlian)	Payan̄am (Perjalanan)	1950	Akhbar Tamil <i>Murasu</i>
2	Johan	S̄itai (Sita Dewi)	1956	Perayaan <i>Tamilar</i>
3	Johan	<i>Tun̄pattin̄ Ellai</i> (Sempedan Kesedihan)	1963	Akhbar Mingguan <i>Malai Natu</i>
4	Johan	<i>Ummpph</i>	1963	Persatuan <i>Putumai Pittan̄</i> Penang
5	Johan	<i>Kaṇṇit Tamil Entaṇ Kaṇ</i> (Bahasa Tamil Matamu) - syair	1965	Majlis hari <i>tamilar Tiruṇāl</i> di Taiping Perak
6	Naib Johan	- <i>Muttalagu</i> - <i>Maṇa Ōlangal</i> (Walang Hati)	1975 – 1979	Akhbar Tamil <i>Murasu</i>
7	Johan	<i>Maṇakkatavu</i> (Pintu Hati)	1990	Majalah Tempatan <i>Mayil</i>
8	Hadiah ketiga	<i>Padippukku Ēṛra Vēlai</i> (Kerja Mengikut Kelayakan Pendidikan)	1992	Akhbar Tamil <i>Osai</i>
9	Hadiah istimewa	<i>Aḷakiṇ Ārāṭaṇai</i> (Pemujaan Kecantikan) - Novel	1993	Persatuan Pengarang Tamil Negeri Selangor
10	Hadiah istimewa	<i>Cangoli Ciṛukataigal</i>	1993	Persatuan Kesusasterawan <i>Tamil Nadu</i> , India
11	Johan	<i>Ver̄riyil Oru Tōlvi</i> (Kekalahan dalam Kemenangan)	1994	Persatuan Penulis Tamil di Malaysia.
12	3 cerpen – Naib Johan	Cerpen-cerpen terpilih	1995	Persatuan Bahasa Tamil Universiti Malaya
13	Pingat emas	<i>Āru Mātankal</i> (Enam Bulan)	1975	Akhbar Tamil <i>Nesan</i>
14	Dua pingat emas	<i>Ariviyal Pari</i> (Kuda Sains)	1976 – 1977	Persatuan Penulis Perak Selatan
15	PPTM menerbitkan semua cerpen M. Ramaiah.	Karya kesusasteraan tokoh <i>Ilakkiya Kurisal</i> Doktor M. Ramaiah	1967	Persatuan Penulis Tamil Malaysia
16	<i>Ciṛukatai Maṇṇan</i> (Raja Cerpen)	-	1967	Majalah bulanan <i>Poṇṇi</i>
17	<i>Ilakkiya Kurisal</i> (Sasterawan Teragung)	-	1978	Chennai, India
18	P.I. S	-	1979	Hari Keputeraan Sultan Johor
19	Gelaran Dr. (D. Litt)	-	1995	Universiti Antarabangsa Amerika



Pelbagai anugerah dan hadiah yang diterima oleh karyawan tempatan ini membuktikan bahawa beliau ialah sasterawan yang berbakat dan amat dikagumi oleh dunia kesusasteraan Tamil. Oleh itu, kajian ini dapat membantu generasi muda lebih mengenali bakat, kemahiran dan azam beliau dalam bidang penulisan serta sumbangannya dalam perkembangan kesusasteraan Tamil. Oleh itu, iltizam dan semangat kental mendiang M.Ramaiah dapat merangsangkan golongan ini agar terus berkecimpung dalam bidang penulisan untuk menyerlahkan kesusasteraan Tamil di negara ini.

Kajian ini penting kerana dapat dijadikan sebagai suatu model kajian dan bahan rujukan berkaitan dengan kajian tanda-tanda dalam cerpen Tamil Malaysia, terutama cerpen-cerpen M.Ramaiah memandangkan kajian ini berusaha mengkaji cerpen-cerpen Tamil dengan mengaplikasikan teori semiotik Peirce. Oleh itu, para pengkaji masa depan dapat menjadikan hasil kajian ini sebagai bahan rujukan ketika mengkaji tanda-tanda dalam teks sastera dengan menggunakan teori semiotik Peirce. Secara tidak langsung pula, kajian ini akan membantu dalam perkembangan ilmu linguistik.

Selain itu, kajian ini membantu pengkaji untuk membuat cadangan atau kritikan yang bernas tentang pembinaan dan penggunaan tanda dalam karya sastera. Secara tidak langsung, usaha ini akan membantu dalam perkembangan ilmu linguistik dan dapat dijadikan sebagai rujukan tambahan, khususnya dalam penyelidikan tanda-tanda di peringkat pusat pengajian tinggi.





Kajian ini juga dapat membimbing para pengkaji untuk mengenali dan mengklasifikasi tanda dan memahami makna tanda yang terkandung dalam karya sastra, iaitu cerpen. Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai asas dalam kajian perbandingan bahasa dan masyarakat yang berbeza. Dengan ini, para pengkaji dapat mengenali persamaan dan perbezaan dalam tanda-tanda yang digunakan dalam pelbagai karya sastra yang berlainan bahasa dan sosiobudaya.

Akhir sekali, kajian ini secara umumnya memberi ruang kepada pengkaji-pengkaji mengenal pemikiran Charles Sanders Peirce lalu mungkin dapat membuka ruang untuk melakukan kritikan dan teguran ke arah penyempurnaan gagasan semiotik Peirce. Dengan ini, gagasan semiotik akan terus menjadi suatu dialektik dalam pengajian ilmu falsafah dan logika, terutama yang melibatkan bahasa dalam kesusasteraan.

Secara umumnya, kajian ini dapat mengisi kelompongan yang wujud dalam kajian tanda dalam cerpen-cerpen Tamil yang melibatkan penggunaan pendekatan dan teori semiotik Pierce. Di samping itu, kajian ini turut dapat membantu pelbagai pihak seperti masyarakat umum, pembaca, penulis, pengkaji dan ahli akademik mengenali tanda-tanda secara lebih mendalam dan mengaplikasinya dalam kajian karya sastra.





1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian sangat penting bagi memastikan supaya kajian yang dijalankan dapat menuju ke hala tuju tepat tanpa keluar daripada tajuk perbincangan. Berdasarkan tesis yang bertajuk *Tanda dalam cerpen-cerpen terpilih karya M.Ramaiah*, pengkaji cuba menganalisis pelbagai tanda yang dipaparkan dalam karya cerpen M.Ramaiah. Dengan ini, pengkaji dapat mengenal pasti ruang lingkup yang jelas, teratur dan tepat supaya tidak terpesong daripada persoalan yang menjadi asas kajian. Dalam kajian ini juga, pendekatan semiotik Peirce digunakan. Pendekatan ini mempertimbangkan aspek tanda yang wujud, sama ada secara konkrit atau abstrak dalam karya sastera. Kajian ini berfokus pada tanda-tanda dalam koleksi cerpen karya M.Ramaiah. Komponen utama pendekatan semiotik Peirce, iaitu tanda, objek dan interpretant sahaja yang diterapkan dalam kajian ini. Ketiga-tiga komponen ini dianalisis secara mendalam untuk memahami teks yang dikaji dalam penyelidikan ini. Ketiga-tiga komponen ini dianalisis secara berasingan dan bergabung.

Kajian ini turut dibataskan kepada genre cerpen Tamil di Malaysia. Oleh itu, pengkaji memfokuskan kajian ini kepada cerpen-cerpen M.Ramaiah yang merupakan seorang pengarang prolifik. Beliau pernah menerbitkan sebanyak 12 buah kumpulan cerpen. Setiap kumpulan cerpen itu mengandungi sebanyak 10 hingga 25 buah cerpen. Cerpen-cerpen yang termuat dalam kumpulan cerpen ini didapati tidak disusun mengikut tahun yang dihasilkannya. Cerpen-cerpen yang dikarang pada tahun yang berlainan dimasukkan dalam sesuatu kumpulan cerpen. Sehubungan dengan ini, pengkaji telah memilih 3 daripada 12 buah kumpulan cerpen sebagai bahan sumber





untuk penyelidikan ini kerana didapati memaparkan tanda-tanda jitu dengan jelas. Selain itu, tanda-tanda dalam karya-karya ini yang mudah difahami oleh pembaca turut menyakinkan pengkaji untuk memilih ketiga-tiga kumpulan cerpen sebagai bahan kajian ini. Jadual 1.2 menunjukkan senarai kumpulan cerpen yang dipilih bagi tujuan penyelidikan ini.

Jadual 1.2

Kumpulan Cerpen yang Dipilih bagi Tujuan Penyelidikan

Bil	Antologi/ Kumpulan cerpen	Bil	Tajuk cerpen	Muka surat	Tahun
01.	<i>Parivum Pāsamum</i> (Keprihatinan dan Kesayangan) (1979)	1.	<i>Sītai</i>	38 - 60	1957
		2.	<i>Maittuni</i>	68 - 75	1962
		3.	<i>Ummm....</i>	24 - 28	1964
		4.	<i>Parivum Pāsamum</i>	9 - 16	1967
		5.	<i>Āciryar Aiyāsāmi</i>	29 - 37	1968
		6.	<i>Pēca ōtti</i>	61 - 67	1968
		7.	<i>Muttaḷagu</i>	76 - 83	1975
		8.	<i>Karaiyum āsaigaḷ</i>	94 - 102	1977
		9.	<i>Nēрмаi</i>	103 - 110	1975
02.	<i>Tisai Māriya Paṛavaigaḷ</i> (Burung yang Berubah Hala Tuju) (1998)	1	<i>Taṭaik kaṛkaḷ</i>	9 - 16	Tahun penerbitan cerpen tidak dinyatakan.
		2.	<i>Paṛi</i>	17 - 29	
		3.	<i>Palaviṇṇam</i>	30 - 33	
		4.	<i>Sampāttiyam</i>	34 - 44	
		5.	<i>Pantayam</i>	55 - 66	
		6.	<i>Tirutti Eḷutiya Tīrppu</i>	75 - 87	
		7.	<i>Camparatāyankaḷ</i>	88 - 95	
		8.	<i>Avaḷukenṇu ōrulagam</i>	96 - 103	
		9.	<i>Nalla Maṇasu</i>	104 - 109	
		10.	<i>Tuṇintu viṭṭāl</i>	110 - 116	
		11.	<i>Vaṭikāl</i>	117 - 125	
		12.	<i>Atutta murai pārkkalām</i>	126 - 132	
		13.	<i>Poṇṇā laṭcaṇamā?</i>	133 - 141	
		14.	<i>Puriyāta janmankal</i>	142 - 149	
		15.	<i>Maṇimegalai</i>	150 - 159	
		16.	<i>Samutāya iruḷ</i>	160 - 168	
		17.	<i>Ilappu</i>	169 - 178	
		18.	<i>Mūlatanam</i>	179 - 185	
		19.	<i>Vairākkiam</i>	186 - 194	
		20.	<i>Tisai māriya paṛavaigaḷ</i>	201 - 210	
		21.	<i>Angikāram</i>	211 - 221	



Jadual 1.2 (bersambung)

Bil	Antologi/ Kumpulan cerpen	Bil	Tajuk cerpen	Muka surat	Tahun
03.	<i>Avaḷum Oru Tāytān</i> (Dia juga Seorang Ibu) (2008)	1.	<i>Avar vara māṭṭār</i>	1 – 5	2001
		2.	<i>Kanavum karpanaiyum</i>	6 – 11	-
		3.	<i>Kāṇi nilam vēṇṭum</i>	12 – 19	-
		4.	<i>Purai</i>	20 – 28	2002
		5.	<i>Avaḷum oru tāytān</i>	29 – 39	-
		6.	<i>Āṇivēr</i>	40 – 49	1974
		7.	<i>Kaikku eṭṭiyatu</i>	50 – 61	2002
		8.	<i>Paḷam naḷuvi...</i>	62 – 68	1956
		9.	<i>Vaḷi</i>	69 – 76	2002
		10.	<i>Etir viṭṭu</i>	77 – 83	1956

Cerpen-cerpen dalam tiga buah kumpulan tersebut bukan sahaja agak popular malah sering diperkatakan oleh pengkritik lain serta sebilangan cerpenya juga dipilih sebagai bahan pembelajaran dan penilaian di peringkat sekolah, maktab dan universiti.

Teori kajian ini ialah Teori Semiotik Peirce. Charles Sanders Peirce tidak dapat dipisahkan daripada bidang semiotik kerana beliau dikenali sebagai perintis yang mengusulkan konsep semiotik dan telah menyediakan asas-asas kukuh tentang teori tanda-tanda. Teori semiotik Peirce lebih relevan dalam pelbagai bidang ilmu, terutama bidang yang berhubung dengan penelitian tanda. Teori semiotik Peirce yang mengembangkan konsep tanda tiga dimensi atau tiga pihak (*triadic*) iaitu tanda, objek dan interpretant (tafsiran) adalah saling perhubungan. Dalam konteks ini, setiap cerpen yang dipilih untuk kajian ini memiliki tanda-tanda yang membawa pelbagai kesan kepada pembacanya di samping mewakili atau melambangkan budaya masyarakat Tamil. Oleh itu, Teori semiotik Pierce yang bersifat teori yang mantap dapat membantu mengenal pasti tanda-tanda dalam cerpen-cerpen M.Ramaih itu.



Sementara itu, kajian ini ialah kajian kualitatif yang menerapkan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks secara bersepadu untuk menganalisis data kajian dan menghuraikan dapatan kajian.

1.8 Sumber Kajian

Data ialah satu indikator yang amat penting dalam sesebuah penyelidikan. Seseorang penyelidik amat memerlukan data untuk membuat huraian, penjelasan atau rumusan tentang sesuatu fenomena yang dikaji. Secara umumnya, data dapat dikategorikan kepada dua kategori, iaitu sumber primer (*primary*) atau data utama atau dan sumber sekunder (*secondary*) atau data kedua. Pengkaji akan menerangkan kedua-dua sumber itu secara terperinci.



1.8.1 Sumber Primer

Dalam kajian ini, cerpen-cerpen Tamil yang dihasilkan oleh pengarang M.Ramaiah ialah sumber primer. Sebanyak tiga buah kumpulan cerpen Tamil yang dihasilkan pada tahun dan zaman berlainan telah dipilih sebagai sumber kajian. Kumpulan cerpen tersebut ialah,





- i *Parivum Pācamum* (Keprihatinan dan Kesayangan -1979) mengandungi sebanyak 8 buah cerpen.
- ii *Tisai Māriya Paravaigal* (Burung yang Berubah Hala Tuju - 1998) mengandungi sebanyak 21 buah cerpen.
- iii *Avaḷum Oru Tāytān* (Dia juga Seorang Ibu - 2008) mengandungi sebanyak 11 buah cerpen.

Pengkaji memilih cerpen-cerpen M.Ramaiah sebagai bahan kajian atas dasar tertentu. Cerpen-cerpen beliau adalah amat popular kerana termuat dengan pelbagai tanda yang mempunyai maksud tersirat yang berbeza dan menarik minat pembaca. Di samping itu, cerpen-cerpennya turut menjadi bahan kritikan sastera serta sebilangan cerpennya juga dipilih sebagai bahan pembelajaran dan penilaian di peringkat sekolah, maktab dan universiti. Oleh itu, pengkaji mendapati cerpen-cerpen beliau adalah popular dalam kalangan pembaca dan pengkritik sastera di samping kaya dengan tanda-tanda

Selain itu, pengkaji telah mengambil kira aspek kepengarangan dalam menentukan cerpen M.Ramaiah sebagai bahan kajian. Kamus Dewan (1994), mendefinisikan “kepengarangan sebagai perihal yang berkaitan dengan pengarang” (ms.578). Selanjutnya, S.Kunaseelan (2009) menyatakan bahawa pengalaman hidup dan pengamatan seseorang penulis terhadap kehidupan masyarakat membantu memahami kehidupan masyarakat (ladang) dengan baik. Berdasarkan pandangan S.Kunaseelan, jelaslah bahawa M.Ramaiah yang berkecimpung hampir selama tujuh dekad dalam bidang penulisan dan kesusasteraan Tamil mempunyai pengalaman hidup yang banyak dan pengamatan tinggi terhadap masyarakat di sekelilingnya.





Pengalaman penulisan karya sastra beliau yang merentasi pelbagai zaman mampu memaparkan pelbagai corak kehidupan dan pemikiran masyarakat Tamil yang kaya dengan pelbagai jenis tanda. Oleh itu, berdasarkan pandangan sarjana dan latar belakang kepengarangan M.Ramaiah, pengkaji telah memilih cerpen-cerpennya sebagai bahan kajian. ini.

1.8.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder atau data kedua (*secondary*) ialah data-data yang digunakan untuk membantu melengkapkan penghuraian dan penjelasan yang dibuat berdasarkan data utama. Data ini diperoleh daripada sumber sekunder.



Oleh sebab kajian ini ialah kajian kepustakaan, buku-buku, kamus-kamus, ensiklopedia dan artikel dirujuk untuk membuat tafsiran dan huraian tentang definisi konsep dan istilah berkaitan dengan tanda-tanda serta meneliti pendapat tokoh-tokoh yang berkaitan dengan bidang kesusasteraan dan semiologi agar pengkaji benar-benar memahami tajuk kajian ini.

Di samping itu, banyak buku berkaitan dengan teori semiotik Peirce dirujuk agar benar-benar memahaminya dan dapat menggunakan teori ini yang memandu kajian ini. Di samping itu, pengkaji turut merujuk tesis, disertasi, artikel e-prosiding, artikel, jurnal dan buku-buku rujukan yang banyak membantu pengkaji dari





segi ilmu pengetahuan, menentukan skop kajian dan menjadi panduan untuk menyiapkan tesis ini.

Selain itu, pengkaji juga mengumpulkan bahan-bahan dan data-data daripada buku-buku ilmiah, jurnal, artikel-artikel, majalah-majalah, laporan-laporan pihak berkuasa, dokumen relevan dan laman web sebagai sumber rujukan dalam menganalisis data-data berkaitan dengan ketiga-tiga objektif kajian ini. Secara ringkasnya, pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengumpulkan pelbagai sumber data sekunder secara luas untuk menjayakan kajian ini.

Di samping itu, karya-karya lain seperti buku kritikan sastera, buku-buku ilmiah, jurnal, majalah-majalah dan artikel-artikel yang diterbitkan turut dijadikan sebagai rujukan.



1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa konsep atau istilah yang perlu difahami oleh pembaca. Pengkaji menyenaraikan beberapa istilah serta definisi konsep untuk memudahkan pembaca memahami setiap istilah tersebut.





1.9.1 Cerpen

Cerpen ialah salah sebuah genre penting selain puisi dan novel dalam kesusasteraan sesuatu bangsa. Namun demikian, cerpen ialah genre sastera yang paling popular pada masa ini. Sehubungan ini, pelbagai pendapat dan ulasan mengenai genre cerpen dikemukakan oleh para cendekiawan dan sasterawan, baik di negara ini mahupun di peringkat antarabangsa. Menurut Puthumai Pitthan (2002), dalam artikelnya *Kataikal* menyatakan bahawa cerpen ialah bentuk sastera orang Barat. Beliau menyatakan bahawa cerita ialah isi cerpen dan sesebuah cerpen hendaklah berkisar pada satu cerita sahaja. Namun, beliau tidak menjelaskan aspek batasan sesebuah cerpen. Puthumai Pitthan menyifatkan cerpen sebagai *vāḷkkaiyiṇ siṟukataikaḷ cālarankaḷ* yang membawa maksud tingkap kecil yang mengisahkan kehidupan.



Seterusnya, Agilan (2002) pula dalam bukunya *Katai Kalai* menjelaskan bahawa cerpen harus mengetengahkan satu kejadian dengan mengupas satu masalah kehidupan yang berlaku di sekeliling kita berdasarkan seseorang watak tertentu. Di samping itu, Agilan (1976) turut menyatakan bahawa cerpen merupakan genre sastera yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Sasterawan Tamil yang teragung ini menegaskan bahawa cerpen berfungsi sebagai wadah sastera ringkas yang mempunyai pelbagai tanda emosi yang membawa makna tertentu. Namun, menurutnya hasil makna sesuatu tafsiran bergantung kepada pengalaman individu.

Di samping itu, Wellek (1970), menerangkan bahawa cerpen atau cerita pendek ialah rekaan (cereka) berbentuk prosa yang relatif pendek.





Kependekannya pula masih tidak jelas ukurannya dan masih tidak tetap jumlah perkataannya. Sebenarnya, genre cerpen berasal dari Eropah atas usaha tokoh-tokoh terkenal dan berwibawa seperti Edger Allan Poe, Nikolai Gogol Guy de Maupassant dan Anton Chekhov. Oleh itu, golongan inilah yang meletakkan batu asas untuk cerpen, khususnya definisi dan ciri-ciri penting sesebuah cerpen. Selepas itu, unsur-unsur ini menjadi amalan dan pegangan para penulis cerpen, terutama dalam cerpenis konvensional yang setia mengutamakan unsur dalaman.

Hallie, S Burnett (1983) turut menjelaskan bahawa cerita pendek bermula berasakan tradisi penceritaan lisan yang menghasilkan kisah-kisah terkenal seperti *Iliad dan Odyssey* karya Homer. Kisah-kisah tersebut disampaikan dalam bentuk puisi yang berirama dan berfungsi sebagai alat untuk menolong orang untuk mengingati sesuatu cerita. Bahagian-bahagian singkat daripada kisah-kisah ini dipusatkan pada naratif individu yang dapat disampaikan secara ringkas dan merangkumi jangka masa yang singkat tetapi membawa mesej yang bernas dan lengkap.

Forgacs,D (1988) berpendapatnya bahawa cerita pendek yang kurang daripada 1000 patah perkataan tergolong genre fiksyen kilat (*flash fiction*), manakala genre yang melampaui batas maksimum parameter cerita pendek digolongkan dalam kategori novel. Cerpen berasal daripada anekdot sebuah situasi yang digambarkan secara singkat dan cepat tiba pada tujuannya, selari dengan tradisi penceritaan lisan.



Cerpen ialah prosa fiksi yang popular pada masa ini. Menurut N.Subramaniam bahawa Bernard Bergonzi dalam bukunya *The Situation of the Novel* menyatakan bahawa,

Short story is the most widely read genre today. For all its popularity and apparent necessity to magazine editors, the short story in its present location, seems to be unhealthyily limited, both in range of literacy experiences it offers and its capacity to deepen our understanding of the world, or of one another” (Subramaniam, N. 1980, p.1-3).

Cerpenis M.Ramaiah pula menyatakan bahawa pemilihan tanda-tanda yang sesuai dan tepat sahaja dapat memberikan gambaran yang realistik dan menyeluruh tentang citra sesuatu masyarakat. Walaupun, sesebuah cerpen mempunyai ciri-ciri sebuah cerpen, namun cerpen tersebut tidak akan diakui sebagai karya yang bermutu sekiranya permasalahan hidup tidak ditonjolkan dengan menggunakan tanda-tanda yang terpilih. (M.Ramaiah, 1976).

Dalam pada itu, pengkaji memilih genre cerpen sebagai bahan kajian kerana tanda-tanda yang digunakan dalam genre ini boleh dijadikan alat sosial yang dapat mencerminkan masyarakat pada sesuatu zaman. Tanda-tanda juga diguna pakai oleh tokoh-tokoh sastera untuk membaca pemikiran masyarakat. Abdul Samad Said (1975), turut menjelaskan tentang seperti berikut:

Cerpen, bagi saya, bukanlah satu pelepas waktu kosong untuk menghiburkan hati. Cerpen ialah satu penterjemahan pengalaman yang dipindahkan daripada subjektif seorang cerpenis untuk dialami semula oleh seorang pembaca. Kita dimestikan menjengah ke sekeliling kita, kemudian ke dalam diri kita, sebab cerita yang dikemukakan itu sebenarnya ialah penterjemahan pengalaman cerpenisnya, pengalaman yang dipetik dari sekitar kehidupan kita seluruhnya. (Samad Said, A. 1975, p.4).

Berdasarkan pelbagai definisi dan pandangan yang diutarakan oleh para sasterawan, pengkaji berpegang kepada pengertian bahawa cerpen ialah wadah bagi penulis memindahkan atau menyampaikan pengalamannya yang terungkap dengan sesuatu masalah tertentu yang dihadapi oleh individu atau masyarakat untuk tatapan masyarakat dengan menggunakan tanda-tanda yang sesuai agar dapat benar-benar mencerminkan citra masyarakat berkenaan. Selain daripada itu, cerpen ditulis berdasarkan imiginasi atau pengalaman penulis kreatif dengan menggunakan tanda-tanda yang berkesan dan mempunyai korelasi dengan objek serta menginterpretasinya berkaitan dengan budaya asal penulis.

1.9.2 Tanda

Tanda ialah komponen utama dalam kajian ini. Oleh itu, aspek tanda dibincangkan secara terperinci dalam teori kajian. Peirce dalam mengusul dan menyusun teori semiotik percaya bahawa manusia dalam kehidupannya dikelilingi oleh tanda yang berperanan penting dalam proses pemikiran manusia. Tanpa tanda-tanda, manusia



tidak dapat berkomunikasi sesama manusia (Panuti Sudjiman dan Aart van Zoest, 1992).

Menurut Aart van Zoest (1993) pula, pengertian maksud tanda agak umum apabila dikatakan bahawa segala sesuatu yang nyata dan tidak nyata dapat dianggap sebagai tanda. Justeru, tanda bukanlah sekadar benda sahaja kerana sesuatu peristiwa atau bukan peristiwa, sesuatu struktur yang ditemui dalam sesuatu dan sesuatu kebiasaan semuanya dapat dianggap sebagai tanda.

Seterusnya, Peirce (1965) menegaskan sifat tanda seperti berikut,

A sign... is something which stands to somebody for something in some respect or capacity. It addresses somebody, that is, creates in the mind of that person an equeivalent sign, or perhaps a more developed sign. That sign which it creates I call the interpretant of the first sign. The sign stands for that object, not in all respects, but in reference to a sort of idea, which I have sometimes called the ground of representamen (Peirce,1965,p:78).

Peirce meneruskan lagi bahawa tanda bergantung kepada keterbatasan daripada segala yang berlaku di dunia ini. Sebenarnya, tanda itu lahir, hidup dan mati seperti manusia. Tanda tidak bekerja dalam dirinya sendiri, tetapi merupakan manifestasi daripada fonomena umum.





Menurut Peirce (Peirce, 1965, p.244), tanda ialah *a law that is a sign* (peraturan yang menjadi tanda). Paul Copley dan Litza Jansz (1997, p.32) mengatakan tanda sebagai *A representament made up of a law, e.g. the sound of the referee's whistle in a football match* (suatu perwakilan terdiri daripada peraturan, misalnya bunyi peluit pengadil semasa perlawanan bola sepak). Dengan kata lain, tanda umum ialah tanda-tanda yang merupakan dasar suatu peraturan yang berlaku secara umum serta suatu konvensi dan suatu kod.

Sesuatu tanda tidak dapat dikenali sebagai tanda, apatah lagi diinterpretasikan, tanpa mengetahui terlebih dahulu tentang aturan, konvensi dan kodnya yang berlaku secara umum dalam lingkungan budaya. Lingkungan budaya bermaksud sekumpulan orang yang mengenali keseluruhan perjanjian semiosis yang memungkinkan pengenalan tanda-tanda dalam masyarakat mereka. Oleh itu, tanda lalu lintas merupakan tanda konvensional kerana bahasa merupakan kod. Setiap tanda konvensional menyiratkan suatu tanda individu, iaitu peraturan yang berlaku secara umum. Oleh sebab tanda-tanda sudah diterima umum oleh sesuatu masyarakat yang memiliki bahasa dan budaya yang sama, maka tanda merupakan perkara yang mudah difahami oleh penerima tanda apabila tanda-tanda tersebut dikirimkan oleh pengirim tanda (Aart van Zoest, 1993).

Aart van Zoest, (1993), turut mengatakan peraturan penggunaan sesuatu bahasa menentukan suatu lingkungan budaya. Penyesuaian yang menarik dan tidak terlepasnya tanda umum daripada kodnya adalah dengan mempelajari tanda konvensional. Kita mungkin memperoleh gambaran tentang kod-kod yang tidak





eksplisit. Hukum, peraturan, kod dan konvensi yang tidak diucapkan dapat difahami dengan melihat kembali tanda-tanda yang ada daripada apa-apa yang mendasari latar tanda itu, iaitu latar tanda daripada tanda-tanda itu. Perkara ini menunjukkan bahawa bahasa digunakan secara individu dalam komunikasi secara tidak langsung (melalui karya yang dihasilkan oleh seseorang pengarang) dan komunikasi yang berlaku secara langsung (percakapan seseorang merupakan tanda individu).

Maka dengan ini, pengkaji berpendapat bahawa tanda lebih menuntut pemikiran pembaca untuk memahami makna yang ingin disalurkan oleh penulis. Dengan memahami tanda terlebih dahulu, baharulah konsep atau objektif penggunaan sesuatu tanda oleh penulis dapat difahami. Tanda yang digunakan oleh M.Ramaiah pula berperanan memperkaya dan memperluas pandangan pembaca tentang hidup dan kehidupan ini. Tanda yang digunakan turut mempunyai nilai estetika tinggi yang dapat menarik pembaca.

1.9.3 Objek

Menurut Peirce (1965), objek merujuk kepada tanda yang menunjukkan kesan dan memiliki sifat-sifatnya bertataurur, sebab akibat serta selalu mengisyaratkan sesuatu daripada tanda kerana, objek mempunyai hubungan yang mirip kepada tanda. Sebenarnya, Objek mempunyai hubungan korelasi dengan tanda tertentu semata-mata untuk memahami makna tersiratnya yang mewujudkan pelbagai kesan Kewujudan



tanda ada kaitan dengan fakta yang muncul daripada hubungan korelasi tanda kerana fungsinya sebagai penanda yang mempunyai persamaan.

Selain itu, objek itu dikatakan mempunyai hubungan yang timbal balik dengan tanda kerana tanda bukan sahaja merupakan pengacuan bahkan mewakili sesuatu, iaitu secara nyata (konkrit) dan tidak nyata (abstrak). Dalam sudut lain pula, tanda yang digunakan secara berseorangan dalam komunikasi secara tidak langsung (melalui karya yang dihasilkan oleh seseorang pengarang) dan komunikasi yang berlaku secara langsung (percakapan seseorang) mempunyai hubungan timbal balik dengan objek. Oleh itu, objek yang mempunyai hubungan timbal balik dengan sesuatu tanda menggunakan konsep penyalinan kerana penyalinan itu agak tepat dan lebih lumrah (Peirce, 1965).

Peirce juga mengatakan, *the object depends on a causal relation, and hence is distinguished by a second* (objek bergantung pada hubungan biasa, dan dibezakan dalam sedetik) (Peirce, 1965). Pernyataan ini bermakna bahawa objek mempunyai hubungan biasa atau sebab dan akibat antara penanda dengan petanda. Hal ini juga menunjukkan bahawa wujudnya hubungan langsung yang konkrit antara kedua-duanya, misalnya asap menandakan adanya api atau berlaku kebakaran, bunyi guruh menjadi penanda kepada kemungkinan hujan akan turun.

Dengan ini pengkaji dapat merumuskan bahawa objek melaksanakan fungsinya sebagai penanda yang mengisyaratkan sesuatu kepada petanda. Antara hubungan paling jelas antara tanda dengan objek adalah berkenaan tanda-tanda

semula jadi dan simptom-simptom fizikal. Umpamanya, pokok-pokok yang bergoyang menandakan ada tiupan angin dan tanda kebiru-biruan pada kuku seseorang menandakan bahawa dia menghidap penyakit jantung.

Maka, tanda-tanda yang menjadi pilihan dalam cerpen-cerpen M.Ramaiah telah menjadi inspirasi kepada pembacanya. Tanda menangani prinsip-prinsip umum yang mendasari struktur objek kerana kedua-duanya mempunyai hubungan korelasi dan bergantung pada satu sama lain. Tanda yang mempunyai hubungan korelasi dengan objek ini membawa pelbagai kesan positif atau negatif kepada pembaca. Oleh hal yang demikian, proses korelasi dan mesej yang membawa kesan positif atau negatif mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain. Melalui pemahaman tentang hubungan korelasi, mesej dapat disampaikan kepada penerima mesej.

1.9.4 Interpretan

Proses interpretan (tafsiran) pula saling bergantung pada dua lagi elemen utama semiotik, iaitu tanda dan objek. Oleh itu, hubungan antara interpretan dengan kedua-dua ini bersifat arbitrari dan tafsiran dibuat berdasarkan konvensi masyarakat (Rachmat Djoko Pradoppo, 1993). Tanda bukan sahaja merupakan pengacuan atau mewakili objek, tetapi terdapat juga interpretasi daripada tanda itu. Hasil interpretasi tanda menyebabkan timbulnya interpretan (tafsiran) oleh penerima tanda yang menginterpretasikannya.



Proses tafsirannya tidak dapat dikaitkan secara semula jadi kerana kaitannya ialah buatan manusia dan penerimaan perkaitan tersebut ialah secara konvensional atau penerimaan ramai (Hashim Musa, 1994). Sebenarnya proses ini tidak dapat dipisahkan daripada budaya kerana setiap budaya mempunyai himpunan tanda-tanda, yang utama ialah bahasa dan diikuti oleh peraturan-peraturan perkahwinan, hubungan ekonomi, seni sains dan sebagainya (Levi Strauss, 1950).

Peirce (1965) pula mengatakan bahawa tanda dan objek mengarah proses interpretasi. Dalam erti kata lain, interpretasi merupakan ciri khas tanda kerana menunjukkan suatu tindakan dan hasil tindakan itu. Tanda tidak dapat diinterpretasikan tanpa mengetahui terlebih dahulu aturan, konvensi dan kodnya yang berlaku secara umum dalam lingkungan budaya sekumpulan orang yang mengenal keseluruhan perjanjian semiosis yang memungkinkan pengenalan tanda-tanda dalam masyarakat mereka.

Peirce (1965), mendefinisikan interpretan dengan merujuk kepada objek asal dengan suatu peraturan atau undang-undang khusus yang dikatakan bersifat arbitrari. Hubungan interpretan dengan objek hanya dapat dilihat dengan bantuan pentafsir. Tanpa pentafsir, interpretan tidak membawa apa-apa pengertian. Oleh itu, pentafsir dituntut untuk menemukan hubungan penandaan itu secara kreatif dan dinamik.

Interpretan dalam pengertian umum ialah tanda yang lazimnya bersifat representasi atau perwakilan terhadap sesuatu, termasuk pemikiran, fakta-fakta dan





gerakan-gerakan yang lazimnya bersifat sejarah dan menjadi tradisi sesebuah masyarakat. Misalnya, keris bagi orang Melayu ialah interpretan keberanian, manakala Keris Taming Sari bagi Tuah dan Jebat merupakan interpretan keperwiraan (Mana Sikana, 1998). Dalam teori sastera, istilah interpretan dianggap sebagai objek yang merujuk kepada satu objek yang lain, interpretan sebagai satu representasi yang menuntut perhatian berdasarkan kekuatannya sendiri (Rene Wellek & Austin Warren, 1988).

Maka dengan ini pengkaji dapat merumuskan bahawa, sesuatu interpretan menjadi lambang semiotik yang merujuk kepada objek dan apabila manusia melihat tanda tersebut, secara mudah akan memahami bahawa tanda itu mewakili sesuatu objek. Interpretan itu pula telah diterima pakai oleh pemikiran manusia sama ada secara kelompok tertentu mahupun dalam satu masyarakat yang universal. Selain daripada itu, pengertian interpretan boleh berubah-ubah dari semasa ke semasa mengikut keadaan dan kehendak masyarakat. Oleh itu, interpretan boleh ditafsirkan secara ambiguiti kerana boleh diinterpretasikan lebih daripada satu makna dan pada waktu-waktu tertentu pula membawa polimakna (pelbagai makna).

1.10 Kesimpulan

Cerpen menjadi inti pati pengalaman dan juga catatan setiap insan yang cuba menikmati kehidupannya pada sesuatu masa tertentu. Cerpen juga menjadi suara seseorang individu dalam menghadapi dan menjalani kehidupan pada sesuatu ketika.





Oleh yang demikian, penggunaan tanda-tanda, hubungan tanda dengan objek dan proses interpretasi makna juga mempunyai hubungan rapat dengan zaman kehidupan penulis tersebut. Oleh itu, lazimnya, pemikiran serta hasrat pengarang yang disalurkan melalui tanda-tanda dalam karya penulisannya diterima umum, khususnya dalam lingkungan masyarakatnya tersendiri. Daya fikir pengarang sentiasa merangkumi hujah, kritikan serta harapannya terhadap masyarakat.

Sejajar dengan padangan dan perbincangan tersebut, kajian terperinci diteruskan untuk mencapai objektif kajian dengan bantuan rujukan yang membina dan teori kajian yang sesuai. Pembicaraan dalam kajian ini berfokus kepada tanda-tanda yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih M.Ramaiah, kesan penggunaan tanda-tanda yang mempunyai hubungan timbal balik dengan objek yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih M.Ramaiah kepada pembaca dan akhirnya menginterpretasi tanda-tanda yang berkaitan dengan budaya masyarakat Tamil dalam cerpen-cerpen terpilih M.Ramaiah. Analisis semiotik secara terperinci dilakukan untuk mengenali tanda, menghayati hubungannya dengan objek untuk memahami penggunaan tanda-tanda yang mendukung kesan positif dan negatif kepada pembaca. Seterusnya, pengkaji akan menginterpretasikan tanda-tanda tersebut berdasarkan budaya masyarakat Tamil di Malaysia.

